

12/09/2003

Kakitangan awam buang masa bincang soal bonus

Liames

BAJET 2004 dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Ramai pihak yang akan tertunggu-tunggu untuk mendengar berita yang baik mengikut kepentingan masing-masing.

Semuanya berharap agar bajet kali ini tetap menyebelahi mereka.

Begitu juga halnya dengan lebih kurang 950,000 kakitangan awam. Apa yang menjadi perhatian mereka nanti ialah bonus.

Setakat ini NUTP mencadangkan supaya kakitangan awam diberi bonus dua bulan gaji. Sudah tentu ramai yang bersetuju serta berdoa supaya permohonan ini ditunaikan oleh kerajaan.

Sekiranya berjaya mendapat apa yang dituntut nanti, besarlah harapan supaya mereka tahu menghargai pemberian berkenaan. Jasa baik kerajaan perlu dibalas dengan perkhidmatan yang berkualiti.

Janganlah ada yang hanya tahu berangan-angan mengenai bonus pada hujung tahun hingga cuai dalam menjalankan tanggungjawab sebagai kakitangan kerajaan.

Sebagai seorang kakitangan kerajaan, apa yang telah saya perhatikan selama ini ialah ada di kalangan kakitangan kerajaan tidak tahu erti berterima kasih.

Ada yang bersungut bila diberi kerja lebih sedikit. Ada juga yang ingkar arahan pihak atasan. Malah di sekolah pun ada kakitangan yang hanya goyang kaki ketika pegawai kanan tidak ada terutama sekali pada musim cuti sekolah.

Mereka juga sering balik lebih awal. Rehat tengah hari bermula jam 11 pagi dan masuk semula pada jam 2.30 atau 3 petang. Kemudian tidak kelihatan setelah jam 3.30 atau jam 4 petang.

Ada yang memberi alasan bahawa mereka tidak tahu apa yang hendak dilakukan tanpa sebarang arahan. Ini yang mendukacitakan. Mereka sebenarnya bukan tidak tahu atau tidak ada tugas yang perlu dilakukan tetapi kerana dorongan sikap malas. Tidak kurang juga ada yang pada masa ini hanya duduk berbual-bual mengenai bonus yang akan dinikmati.

Di pejabat pula, ramai yang memenuhi kantin atau kafeteria sejak masuk ke pejabat mulai jam 8.05 pagi dan memanaskan kerusi dengan secawan air dan sepinggan mi sehingga dua jam sambil berbual-bual kosong dengan rakan lain. Ramai juga yang bertali leher menghabiskan masa di kafeteria. Keadaan ini sungguh malang dan amat memalukan.

Mereka harus sedar betapa bertuahnya mereka kerana tidak ada pihak yang sanggup melapor salah laku mereka. Mereka sebenarnya diberi peluang untuk mengubah sikap diri sendiri. Mereka juga orang dewasa yang sudah matang. Sudah tentu tidak manis kalau diherdik atau ditegur di depan pekerja yang lain.

Hakikatnya pemikiran mereka perlulah rasional. Mereka harus tahu bahawa rezeki yang mereka nikmati adalah hasil titik peluh mereka sendiri. Sekiranya hasil yang diperolehi tanpa mengeluarkankan peluh, sudah tentu ia bukan rezeki yang baik.

LIAMES,

Serian, Sarawak